KOTA BHARU 28 April – Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) ini akan menyaman Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Ketua Pendaftar dan Kerajaan Pusat dalam masa terdekat bagi membantah pemindaan beberapa peraturan baharu yang dilakukan oleh kementerian tersebut.

Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah PPN ini, Datuk Abdul Aziz Derashid berkata, bantahan itu turut mendapat sokongan sepenuhnya dari 34 ahli Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di seluruh negeri ini.

Katanya, pindaan itu diputuskan menerusi Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2019 yang akan mula berkuat kuasa pada 1 Mei ini.

"Antara pindaan berkenaan adalah membenarkan pertambahan jawatan Ahli Jemaah Pengarah (AJP) yang boleh dilantik oleh Menteri, Datuk Salahuddin Ayub pada peringkat PPK, PPN dan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas).

"Saya lihat sekarang pihak kementerian dan kerajaan baharu ingin menganggu keharmonian ahli peladang yang telah dibina hampir 40 tahun dahulu dan ini menimbulkan ketidakpuasan hati lebih 80,000 peladang yang bernaung di bawah PPK," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mesyuarat khas bersama pengerusi-pengerusi PPK di Institut Pengurusan Peladang Panji, dekat sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengerusi PPN Perak, Datuk Nadzri Ismail.

Dalam pada itu, Abdul Aziz berkata, pemindaan peraturan baharu itu juga telah memberi kesan dan tamparan kepada ahli peladang di seluruh negara yang hampir 1 juta orang.

Katanya, lebih jelas adalah mengenai pemilihan-pemilihan di peringkat kawasan PPN dan Nafas yang kini banyak dilantik oleh Menteri bukannya daripada ahli-ahli.

"Tindakan ini amat bercanggah dengan prinsip-prinsip demokrasi yang diamalkan oleh peladang-peladang selama ini.

"Saya amat dukacita ada campuran politik yang jelas bermotifkan hendak mengambil alih pertubuhan peladang di setiap negeri," ujarnya.

Tambahnya, sepatut kerajaan sekarang memperkukuhkan lagi asas-asas demokrasi negara ini dan membiarkan PPN mengamalkan budaya demokrasi yang sebenar. - UTUSAN ONLINE

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 29/4/2019 | SINAR HARIAN | TENGAH | 17 |

# Sepakat tolak pindaan peraturan

***Seramai 64,000 ahli PPK di Pahang buat keputusan sebulat suara***

NORAWAZNI YUSOF

KUANTAN

Seramai 64,000 ahli Persatuan Peladang Kawasan (PPK) menolak pelaksanaan Peraturan-peraturan Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2019 kerana didakwa tidak berlaku adil kepada ahli dan pemegang saham.

Pengerusi Pertubuhan Peladangan Pahang, Datuk Mustaffar Kamal Abdul Hamid berkata, pindaan itu membelakangkan prinsip demokrasi yang menjadi amalan urus tadbir PPK.

Menurutnya, sepatutnya pindaan itu tidak dibincangkan terlebih dahulu dengan semua ahli PPK sebelum ia diwartakan Kerajaan Persekutuan.

"Kalau ikutkan amalan sebelum ini, sebarang perubahan terhadap Perlembagaan PPK atau Persatuan Peladang Negeri (PPN) dan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) perlu melalui proses Mesyuarat Agung bagi mendapatkan persetujuan atau kelulusan.

"Tapi pindaan kali ini tanpa melalui proses atau prosedur yang menjadi kebiasaan kepada kami," katanya.

Keputusan itu dibuat hasil mesyuarat khas membabitkan 22 pemegang saham mewakili 22 PPK di seluruh Pahang di Ibu Pejabat Pertubuhan Peladang Negeri Pahang (Pasfa), di sini semalam.



Mustaffar Kamal (lima dari kanan) bersama 22 pemegang saham mewakili 22 PPK di seluruh Pahang pelaksanaan Peraturan-peraturan Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2019.

Difahamkan, Warta Kerajaan Persekutuan dikeluarkan pada 19 April lalu oleh Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Datuk Mazlan Aliman itu diluluskan pada tarikh sama oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub dan akan dikuatkuasakan pada 1 Mei ini.

Mengulas lanjut mengenai pindaan itu, Mustaffar Kamal berkata, ia tidak seharusnya berlaku kerana setiap PPK mempunyai pemegang saham dan ahli, kepentingan ahli perlu diberi perhatian dan keutamaan.

Jelasnya, selain itu pihak terbabit diberikan kuasa untuk memilih atau melantik Ahli Jemaah Pengarah di peringkat PPK, PPN dan Nafas setiap negeri.

Beliau berkata, satu memorandum berhubung isu ini akan dihantar kepada Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad; Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahudin Ayub.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 29/4/2019 | UTUSAN MALAYSIA | DEWAN NEGARA | 44 |

# Ramadan: FAMA jamin bekalan cukup

**BUKIT MERTAJAM 28 April** - Bekalan bahan mentah terutama ayam serta kelapa dijamin mencukupi bagi menampung permintaan yang meningkat sepanjang bulan Ramadan.

Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Ishak Ismail berkata, selain itu, tinjauan pihaknya juga mendapati bekalan bahan makanan lain seperti sayur-sayuran dan buah-buahan mencukupi.

"Dua barangan yang didapati akan mendapat permintaan tinggi pada bulan Ramadan ialah ayam dan kelapa, namun kita akan pastikan bekalannya mencukupi.

"FAMA telah membawa kelapa dari Sabah untuk menambah bekalan sebanyak 30 tan sebulan sejak tahun lalu," katanya kepada selepas mengadakan lawatan kerja dan penyampaian geran insentif karavan tani sempena Penang FAMA Fest 2019 di sini hari ini.

Sementara itu, Ishak berkata, masalah kekurangan cili yang dihadapi sebelum ini berjaya diselesaikan apabila pengeluarannya kembali mencukupi.

"Sebelum ini kita ada sedikit masalah cili disebabkan ia berada pada hujung musim, tetapi kita berjaya selesaikannya. Masalah bekalan telur ayam juga sudah kembali pulih," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 29/4/2019 | KOSMO | NEGARA | 15 |

# FAMA jamin bekalan ayam, kelapa mencukupi

**SEBERANG PERAI** – Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) memberi jaminan bahawa bekalan bahan mentah akan sentiasa mencukupi sepanjang Ramadan nanti.

Pengerusinya, Ishak Ismail berkata, tinjauan pihaknya mendapati bekalan terutamanya sayur-sayuran dan buah-buahan sentiasa mencukupi bagi menampung keperluan pada bulan itu.

"Apabila Ramadan tiba, dua barangan yang akan meningkat berkali ganda permintaannya ialah ayam dan kelapa, namun bekalannya dijangka mencukupi.

"Kita juga telah bawa kelapa dari Sabah iaitu Pulau Papabak sebanyak 30 tan sebulan sejak tahun lalu lagi bagi tambah bekalan," katanya kepada pemberita semalam.

Beliau berkata demikian selepas Melakukan Lawatan Kerja dan Penyampaian Geran Insentif Karavan Tani Sempena Penang FAMA Fest 2019 di Seberang Jaya di sini.

Dalam pada itu, Ishak berkata, isu kekurangan cili yang dihadapi sebelum ini telah berjaya diselesaikan apabila pengelurannya kembali mencukupi.

"Masalah bekalan telur ayam juga sudah kembali pulih,"ujarnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 29/4/2019 | UTUSAN MALAYSIA | ONLINE | |

# FAMA jamin bekalan bahan mentah mencukupi

Safina Ramli




PENGERUSI Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Ishak Ismail ketika merasmikan Penang FAMA Fest 2019 di Seberang Jaya, Pulau Pinang.- UTUSAN ONLINE

**Safina Ramli**
28 April 2019 2:05 PM

BUKIT MERTAJAM 28 April - Bekalan bahan mentah terutama ayam serta kelapa dijamin mencukupi bagi menampung permintaan pengguna yang meningkat sepanjang Ramadan nanti.

Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Ishak Ismail berkata, selain itu tinjauan pihaknya juga mendapati bekalan bahan makanan lain seperti sayur-sayuran dan buah-buahan mencukupi.

"Dua barangan yang didapati akan mendapat permintaan yang meningkat pada Ramadan ialah ayam dan kelapa namun kita akan pastikan bekalannya mencukupi.

"FAMA telah membawa kelapa dari Sabah untuk menambah bekalan sebanyak 30 tan sebulan sejak tahun lalu lagi," katanya kepada selepas mengadakan lawatan kerja dan penyampaian geran insentif karavan tani sempena Penang FAMA Fest 2019 di sini hari ini. - UTUSAN ONLINE

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 29/4/2019 | BERITA HARIAN | ONLINE | |

# FAMA jamin bekalan cukup

Oleh Siti Sofia Md Nasir
siti.sofia@bh.com.my

SEBERANG JAYA: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) memberi jaminan semua bekalan barangan keperluan bagi hasil tani dan penternakan mencukupi menjelang Ramadan ini.

Pengerusinya, Ishak Ismail, berkata pihaknya sudah membuat perancangan teliti, khususnya bagi bekalan dua barangan utama iaitu ayam dan kelapa.

"Biasanya ayam dan kelapa yang menjadi masalah kita setiap kali musim perayaan khususnya Aidilfitri.

"Jadi, kita sudah berbincang untuk membawa lebih bekalan kelapa dari Pulau Papabak, Sabah, dengan 30 tan kelapa setiap bulan dari negeri itu.

"Bekalan ayam juga tiada masalah, malah harga ayam agak terkawal sekarang," katanya pada sidang media di sini, hari ini.

Terdahulu, Ishak mengadakan Lawatan Kerja dan menyampaikan geran insentif Karavan Tani sempena Penang FAMA Fest 2019 di Tapak Ekspo Seberang Jaya, di sini.

Mengulas lanjut, Ishak turut menyambut baik cadangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang mahu menyenaraikan lebih banyak barang kawalan serta memanjangkan tempoh penguatkuasaan skim kawalan harga bermula Ramadan ini.

Katanya, usaha KPDNHEP itu akan memberi manfaat kepada pengguna untuk mendapatkan barangan keperluan pada harga munasabah, selain pembekal juga dapat melipat gandakan hasil perniagaan.

"Kita menyokong usaha kerajaan untuk menyenaraikan lebih banyak kawalan harga terhadap barangan asas.

"Usaha ini akan menguntungkan pengguna dan pembekal, kedua-dua pihak akan mendapat faedah daripada dasar harga kawalan," katanya.

Semalam, KPDNHEP menjangkakan akan menyenaraikan lebih banyak barang kawalan, serta memanjangkan tempoh penguatkuasaan bagi skim kawalan harga bermula Ramadan ini.

Skim kawalan harga yang dilaksanakan KPDNHEP pada setiap musim perayaan, khususnya Aidilfitri, biasanya dikuatkuasa sekitar 15 hari iaitu sebelum, semasa dan selepas sambutan Aidilfitri.




PENGERUSI FAMA, Ishak Ismail mengadakan Lawatan Kerja dan menyampaikan geran insentif Karavan Tani sempena Penang FAMA Fest 2019 di Tapak Ekspo Seberang Jaya. - Foto Mikail Ong

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 29/4/2019 | UTUSAN | ONLINE | |

# 21,000kg konsainan pertanian dirampas di sempadan

Muhamad Aimy Ahmad



SAIFUL YAZAN ALWI (tiga kiri) bersama Ketua Pengarah Aksem, Datuk Shaharuddin Abu Sohot (tengah) dan wakil agensi lain menunjukkan sebahagian rampasan barangan pertanian pada sidang akhbar di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Kota Putra, Padang Terap, Kedah. -UTUSAN ONLINE

**Muhamad Aimy Ahmad**
28 April 2019 1:15 PM

PADANG TERAP 28 April - Sebanyak 21,694 kilogram (kg) konsainan pertanian dari negara jiran yang tidak mempunyai dokumen lengkap termasuk sijil halal dirampas Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis).

Rampasan membabitkan 45 jenis barangan pertanian itu dilakukan sepanjang operasi bersepadu Maqis bersama-sama beberapa agensi lain di pintu masuk Durian Burung, di sini sejak 18 Mac lalu hingga pertengahan bulan ini.

Antara barangan yang dirampas termasuklah buah-buahan seperti durian, manggis dan mangga serta sayuran-sayuran, benih pokok, ikan, udang basah, daging babi dan ayam hidup.

Ketua Pengarah Maqis, Saiful Yazan Alwi berkata, kesemua barangan yang dirampas itu dianggarkan bernilai RM36,189 dan dipercayai bagi pasaran di negara ini dan Singapura.

"Kebanyakan konsainan pertanian di laluan kargo dan awam yang dirampas ini tidak mempunyai dokumen seperti permit import, sijil fitosinasi, sijil kesihatan dan tanpa sijil halal daripada badan halal yang diiktiraf negara pengeksport.

"Malah, pemeriksaan juga mendapati terdapat barangan yang dirampas itu tidak diisytiharkan dalam dokumen invois dan borang kastam," katanya dalam sidang akhbar di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Kota Putra di sini hari ini.

Selain Maqis, agensi lain yang terlibat dalam operasi bersepadu itu adalah Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (Aksem), Jabatan Imigresen, Kastam, Polis Diraja Malaysia dan Kementerian Kesihatan.

Mengulas lanjut, Saiful Yazan memaklumkan, durian dan mangga yang mempunyai perosak seperti kumbang pengorek buah dan ulat pengorek buah telah diarahkan untuk dihantar semula ke Thailand.

Ujarnya, kes disiasat mengikut Seksyen 11(1), Seksyen 14 dan Seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

"Semua pengimport, pengeksport dan ejen perlu mematuhi undang-undang dan peraturan bagi menjamin keselamatan makanan negara agar produk makanan yang diimport selamat, tidak mempunyai perosak dan penyakit selain berkualiti serta halal," katanya. - UTUSAN ONLINE

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 29/4/2019 | THE SUN | NEWS WITHOUT BORDER | 2 |

**SEIZED GOODS ...** Quarantine and Inspection Service Department director-general Saiful Yazan Alwi (left) examines an egg at a press conference at the Immigration, Customs, Quarantine and Security complex in Durian Burung, Kedah yesterday. During an operation from March 18 to April 10, agricultural goods weighting 21,694kg, including durian, mangosteen and seafood, were seized due to various offences. – ***BERNAMAPIX***



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 29/4/2019 | HARIAN METRO | SETEMPAT | 9 |

Zaid Salim
am@hmetro.com.my

# Tembak henti pecut

## APMM tahan 6 bot Vietnam dengan rampasan RM6 juta

Kuala Terengganu

Tindakan nelayan Vietnam cuba melepasi perairan antarabangsa bagi meloloskan diri memaksa anggota Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melepaskan tembakan amaran dalam usaha menghentikan bot berkenaan.



MUHAMMAD Suffi (dua dari kanan) bersama Ahli Parlimen Kuala Terengganu, Ahmad Amzad Hashim (kiri) menunjukkan hasil laut yang dirampas daripada bot Vietnam.

Selain melarikan diri dan mengejar hampir dua jam, ada antara nelayan terbabit dikesan menggunakan nombor pendaftaran tempatan bagi mengaburi mata pihak berkuasa.

Itu antara cabaran dihadapi APMM dalam operasi selama dua hari bermula Khamis lalu sebelum menahan enam bot secara berasingan di enam lokasi berhampiran sempadan Malaysia-Vietnam antara jam 7.30 pagi Khamis dan jam 1.55 tengah hari Jumaat membabitkan rampasan bernilai RM6 juta termasuk hasil tangkapan, minyak diesel, bot dan peralatan menangkap ikan.

Pengarah Maritim Negeri Terengganu, Kepten Maritim Muhammad Suffi Mohd Ramli berkata, nelayan Vietnam itu juga dikesan menjadikan kawasan pelantar minyak berhampiran sempadan Malaysia-Vietnam sebagai lokasi selamat merompak hasil laut negara bagi memudahkan mereka melepaskan diri daripada ditahan.

Katanya, empat daripada enam bot nelayan itu ditahan di kawasan cari gali minyak berhampiran sempadan perairan Malaysia-Vietnam manakala dua lagi di kawasan berasingan.

"Bot pertama ditahan pada jarak 145 batu nautika timur Kuala Terengganu jam 7.30 pagi membabitkan 19 nelayan termasuk tekong manakala bot kedua membabitkan sembilan nelayan di tahan pada jarak 142 batu nautika timur Kuala Terengganu pada jam 10.30 pagi.

"Bot ketiga dan keempat masing-masing ditahan jam 1 tengah hari dan jam 4 petang Khamis lalu pada jarak 153 dan 141 batu nautika timur Kuala Terengganu

"Dua lagi bot yang disyaki bot klon apabila menggunakan nombor pendaftaran tempatan ditahan kelmarin (Jumaat) ketika menangkap ikan pada kedudukan 51 dan 53 batu nautika timur Kuala Terengganu jam 1.20 tengah hari dan jam 1.55 tengah hari," katanya di Jeti APMM di Pulau Kambing di sini, semalam.

Muhammad Suffi berkata, 63 nelayan terdiri daripada tekong dan awak-awak berusia antara 15 dan 59 tahun ditahan kerana tidak memiliki dokumen pengenalan diri sah.

"Semua bot dan hasil rampasan bersama nelayan disiasat mengikut Seksyen 15 (2) (a) Akta Perikanan 1985 kerana menceroboh dan menangkap ikan di perairan Malaysia tanpa lesen yang sah dan kebenaran Pengarah Perikanan Malaysia, Seksyen 14 (3) (b) Akta Perikanan 1985 kerana menggunakan huruf, nombor atau lain-lain cara pengenalan vessel penangkapan ikan lain.

"Selain itu, kes turut disiasat mengikut Seksyen 8 (a) Akta Perikanan 1985 kerana bot beroperasi tanpa lesen sah dikeluarkan Jabatan Perikanan dan Seksyen 6 (1) (c) Akta Imigresen 1959/63 kerana tidak memiliki dokumen pengenalan diri sah," katanya.

Berdasarkan statistik operasi APMM Terenganu dan Zon Maritim Kemaman, Muhammad Suffi berkata, 533 buah bot diperiksa dan 32 daripadanya membabitkan 240 nelayan Vietnam ditahan dengan nilai rampasan dianggarkan RM32 juta sepanjang tahun ini.

"Selain itu, kes mahkamah yang selesai memperoleh hasil denda RM2,349,900 dan juga kos penahanan bot RM350,000," katanya.



ANTARA bot nelayan Vietnam yang ditahan di Jeti APMM Kuala Terengganu.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | MENTERI | | |
| MediaTitle | Utusan Sarawak | | |
| Date | 29 Apr 2019 | Color | Full Color |
| Section | EKONOMI | Circulation | 37,981 |
| Page No | E1 | Readership | 113,943 |
| Language | Malay | ArticleSize | 171 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 876 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 2,629 |





**MENTERI** Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail (dua, kanan) memberi buah Durian kepada pengunjung pada Karnival Kepenggunaan Kempen Beli Barangan Malaysia malam ini.Turut sama Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Sim Tze Tzin (kanan). • Foto BERNAMA

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 29/4/2019 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 3 |

Putrajaya

# YaPEIM sasar buka 50 cawangan Ar-Rahnu di perkampungan nelayan

Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) merancang membuka 50 cawangan akses Ar-Rahnu di kampung nelayan terpilih akhir tahun ini.

Ketua Pengarahnya, Datuk Abibullah Samsudin berkata, ia bagi mengatasi kebergantungan nelayan yang biasanya meminjam daripada orang tengah.

Beliau berkata, buat permulaan, 50 cawangan bakal dibuka di Sabak Bernam, Selangor dan Kuala Kedah, Kedah.

"Kami merancang membuka 30 cawangan sama di Sarawak dan 20 lagi di Sabah," katanya.

Katanya, pihaknya melihat ada keperluan membuka cawangan itu kerana nelayan tidak turun ke laut pada musim tengkujuh.

Menurutnya, ketika musim itu, nelayan biasanya akan menggadai barangan kemas untuk mendapatkan pinjaman.



ABIBULLAH

"Kebanyakan mereka meminjam daripada orang tengah. Jadi kita sediakan Ar-Rahnu supaya mereka boleh menggadai barangan kemas mereka pada musim tengkujuh.

"Apabila musim menangkap ikan tiba, mereka boleh tebus balik barangan mereka. Kami tidak mahu mereka terjebak dengan meminjam daripada orang tengah.

"Insya-Allah, orang Melayu memang ada menyimpan emas," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 29/4/2019 | UTUSAN MALAYSIA | MEGA AGRO | 28 |


Oleh LAUPA JUNUS
laupajunus@hotmail.com

# Musim usahawan petik buah



JUNAIDI ABDUL RAHMAN juga mengusahakan tanaman kelapa di Sijangkang.

KEKECEWAAN tidak akan ke mana jika emosi tidak diurus dengan baik. Menerima kekecewaan adalah dengan cara positif yang berkemungkinan menjadikan kita lebih berjaya berbanding sebelum ini.

Hal yang menimpa seorang bekas eksekutif sebuah syarikat swasta **Junaidi Abdul Rahman**, 56, mungkin boleh dijadikan contoh bagaimana kekecewaan dijadikan batu loncatan untuk mencipta masa depan yang lebih baik.

Anak jati Pasir Putih Kelantan ini berasakan masa depannya sebagai pekerja makan gaji tidak begitu mendatangkan kepuasan.

Sebagai seorang yang berasal dari kampung, Junaidi berasakan perlu melakukan sesuatu sekurang-kurangnya memberi justifikasi kepadanya sebagai penduduk luar bandar.

Justeru dia mengambil pendekatan mudah dengan berbudi kepada tanah di kampungnya untuk mengusahakan tanaman buah buahan.

Malah dia telah memulakan projek tanaman buah-buahan sejak 10 tahun lalu meskpun pada ketika itu hanya secara kecil kecilan dan tidak sepenuh masa.





LADANG Junaidi di Thailand yang menjad tumpuan pengunjung.

Usahanya pada peringkat awal bukan mudah kerana banyak kerja asas perlu dilakukan dan ketika itu dia sudah menyediakan peruntukan sebanyak RM200,000.

Hari ini selepas sedekad Junaidi tidak menoleh kebelakang lagi dan dengan khidmat pekerja sambilan dia boleh mengusahakan kawasan penanaman buah buahan yang luas termasuklah di Sijangkang Selangor, Rompin, Pahang selain di negara jiran, Thailand.

"Pendapatan tidak menentu dan bergantung kepada musim buah buahan kadang kala RM5,000 sebulan.' ujarnya.

Menurutnya, nasib pekebun buah-buahan sepertinya kadangkala tidak begitu terbela kerana tidak mendapat bantuan dalam aspek pemasaran hasil daripada ladang terutama untuk pasaran luar negara.

Antara cabaran utama sebagai penanam selain penyakit adalah masalah buah-buahan bermusim yang berdepan isu lambakan dan harga yang rendah. Masalah tersebut menurutnya menyebabkan pekebun kecewa.

Namun bagi Junaidi, mereka tidak perlu terlalu kecewa kerana sekurang-kurangnya mendapat pahala kerana haiwan liar juga mendapat nikmat memakan buah buahan tersebut.

Justeru dia mengambil pendekatan memasarkan sendiri hasil buah-buahannya supaya tidak berlaku lambakan.

"Saya ingin menasihati pekebun, jangan ikut *trend* iaitu menanam buah buahan yang berharga mahal sahaja.

"Ini kerana akan berlaku satu-satu masa, buah yang mahal itu, menghadapi masalah kejatuhan harga jika berlaku lambakan di pasaran.



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 29/4/2019 | UTUSAN MALAYSIA | MEGA AGRO | 29 |



POKOK cermai yang ditanam di Sijangkang Selangor.

"Contoh yangg bakal merundum dalam masa lima tahun lagi adalah durian musang king.

"Saya rasa ia akan menjadi lambakan tidak lama lagi seperti yang pernah terjadi pada buah dokong sebelum ini," ujarnya lagi.

Justeru katanya agensi seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) perlu membantu memasarkan hasil pertanian tersebut, bagi mengurangkan beban penanam.

Dia yang ditemui pada program Petik Sendiri dan Beli anjuran Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) di Serang baru-baru ini percaya usaha pemasaran perlu dilakukan bersungguh-sungguh supaya hasil pertanan dapat sampai ke tangan pengguna untuk dinikmati.

Junaidi memberi contoh program anjuran MARDI itu wajar diadakan secara berterusan setiap tahun kerana ia merupakan satu pendekatan yang mudah untuk menjual hasil pertanian.

**INFO**

**KAWASAN PENANAMAN LADANG MILIK JUNADI**

- Thailand (591 ekar)
- Tanaman sawit 100 ekar
- Durian ( 60 ekar).
- Dokong (30 ekar)
- Pisang ( 30 ekar)
- Rambutan ( 20 ekar)

**Ladang lain:**

- Petai dan padang ragut lembu, 25 ekar
- Kelantan - tiga suku ekar tanaman dokong,duku dan manggis,
- Limau bali, salak dan lain-lain
- Rompin sawit (20 ekar)
- Meru (Klang) - Kelapa durian (tiga suku ekar )
- Sijangkang ( tiga suku ekar) tanaman bercampur rambutan, kelapa dan petai.



BUAH sawit yang [illegible] sedia [illegible].



ANTARA peminat rambutan yang membawa buah untuk ditimbang dan bayar di MARDI Sardang.

# MARDI banyak plot R&D

INSTITUT Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) mempunyai banyak plot tanaman yang dijadikan sebagai pusat penyelidikan membangunan pelbagai varieti tanaman milik institut tersebut di Serdang, Selangor.

Meskipun mempunyai pusat kecemerlangan penyelidikan buah buahan di Sintok Kedah, plot tanaman di ibu pejabat tidak kurang pentingnya untuk tujuan yang sama.



AZMAN MOHD. ADAM

Timbalan Pengarah Program Sokongan dan Khidmat, Pusat Pembangunan MARDI, Azman Mohd. Adam berkata, antara plot tanaman yang digunakan sebagai pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) varieti buah-buahan dan tanaman lain milik MARDI adalah durian, jagung, kubis tanah rendah, tembikai , belimbing dan pisang selain rambutan yang diwujudkan sejak dua dekad yang lepas.

Sebagai contoh plot tanaman rambutan yang menjadi tumpuan kira-kira 2,000 peminat buah tersebut menerusi Program Petik Sendiri dan Bayar telah diwujudkan sejak 1990-an lagi.

Program yang memerlukan pengunjung memetik sendiri sebelum menimbang dan membayar harganya erupakan yang pertama diadakan dan mendapat sambutan di luar jangkaan selepas ditularkan menerusi media sosial.

Kawasan tersebut yang berkeluasan dua ekar ditanam dengan kira-kira 200 batang pokok rambutan daripada empat varieti iaitu anak sekolah, jarum emas , gula batu dan gading.

Sementara itu seorang pengunjung dari Sungai Buloh, Noraishah Ghazali mengakui berasa seronok datang ke plot tanaman tersebut yang diibaratkan sebagai dusun di kampung.

"Saya menikmati buah rambutan kerana tidak mempunyai kebun sendiri.

"Ini kali pertama saya masuk MARDI dan berasa seronok," ujarnya.

Bagi Basri Nawawi dia juga seronok dengan jemputan tersebut tetapi berharap kemudahan ditambah baik demi keselesaan pengunjung.

